

PM bawa konsep 'keluarga dunia' depan COVID-19

11 - 26/9/2021 m/s: 2

Semua negara diminta bersama atasi ancaman kesihatan global

Oleh Saiful Haizan Hasam, Ahmad Suhael Adnan dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggesa masyarakat dunia bekerjasama sebagai sebuah keluarga besar bagi mendepani cabaran ketidakadilan, ketidakstabilan politik dan tadbir urus global.

Perdana Menteri berkata, antara isu yang perlu diatasi oleh 'keluarga dunia' (*world family*) secara bersama kini adalah keberapan ancaman kesihatan global, termasuk COVID-19.

Jelasnya, ia terbukti berdasarkan situasi semasa apabila dunia kini masih jauh daripada menang dalam perang melawan pandemik, meskipun komuniti antarabangsa berikrar bersatu melawan COVID-19, memberikan vaksin secara agresif dan berkongsi amalan terbaik, tahun lalu.

"Rasa lega apabila vaksin dibangunkan dalam tempoh yang antara terpantas pernah direkodkan, tetapi disusuli dengan dukacita apabila berlaku diskriminasi dalam agihannya.

"Ketika kebanyakan negara pengeluar vaksin dan negara kaya mencapai tahap kejayaan tertentu, majoriti populasi dunia yang kebanyakannya dari negara berpendapatan sederhana dan kurang membangun, masih belum divaksin," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi ucapannya ketika menyertai Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-76 secara maya, malam tadi.

Bagi berdepan ancaman kesihatan global, Perdana Menteri mengusulkan masyarakat dunia, sebagai sebuah keluarga, terbabit dalam diplomasi kesihatan yang lebih berkesan, secara kerap.

Tegasnya, diplomasi kesihatan itu antara lain bermatlamat memperluas keupayaan kesihatan awam pelbagai negara, khususnya dengan memperluas akses

ses kepada teknologi dan maklumat yang relevan.

"Sehubungan itu, Malaysia akan memainkan peranan lebih penting dan terbabit secara lebih aktif dalam diplomasi kesihatan, dengan pendekatan yang lebih menjurus ke arah pelbagai bidang serta membabitkan lebih banyak pemegang taruh berkaitan.

"Bagi COVID-19, kita tidak boleh lagi menunggu sehingga kemunculan varian yang lebih berbahaya dan meragut lebih banyak nyawa. Kita perlu bertindak segera," katanya.

Berhubung usaha mencapai Agenda Pembangunan Lestari (SDG) 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ismail Sabri mengakui COVID-19 menjejaskan beberapa kemajuan yang dicapai sebelum ini.

Seperti kebanyakan negara dunia, katanya, ekonomi Malaysia turut terkesan dengan pandemik itu apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menguncup 5.6 peratus tahun lalu, iaitu yang terburuk dalam tempoh lebih 20 tahun sejak Krisis Kewangan Asia.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, strategi Malaysia dalam berdepan COVID-19 dengan pendekatan menyeluruh kerajaan dan masyarakat, menunjukkan impak positif dalam mengawal wabak itu dan mengimbangi antara nyawa dan kehidupan rakyat Malaysia, selain memastikan negara kekal dalam landasan mencapai matlamat itu.

Jelasnya, Malaysia antara lain mengembangkan sistem penjagaan kesihatan, melaksanakan suntikan fiskal melalui pakej rangsangan ekonomi bernilai kira-kira AS\$130 bilion (RM544 bilion) atau 36 peratus daripada KDNK, yang membantu golongan miskin dan berisiko serta kumpulan peniaga.

Selain itu, katanya, Malaysia melaksanakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebagai strategi keluar daripada pandemik yang antara lain melonjakkan kapasiti vaksinasi harian negara kepada lebih 500,000 dos sehari.

Dalam perkembangan berkaitan juga, Ismail Sabri berkata, Malaysia berpendirian PBB perlu melalui reformasi untuk memperkukuh keberkesanan pertubuhan itu.

Katanya, dunia sudah melalui perubahan ketara sejak PBB mula diwujudkan 75 tahun lalu, sekali gus pertubuhan itu yang ber-

“Bagi COVID-19, kita tidak boleh lagi menunggu sehingga kemunculan varian yang lebih berbahaya dan meragut lebih banyak nyawa. Kita perlu bertindak segera”



Ismail Sabri Yaakob
Perdana Menteri

depan krisis jangkaan, juga perlu bergerak seiring dengan perubahan berkenaan.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua negara anggota PBB untuk menyahut seruan reformasi pertubuhan itu dengan lebih bersungguh-sungguh dalam isu membabitkan keamanan antarabangsa, keselamatan dan kemakmuran sejagat.

"Reformasi adalah penting untuk mengukuhkan keberkesanan PBB sebagai sebuah pertubuhan multilateral untuk membawa lebih banyak ketelusan dan mempertingkatkan kredibilitinya.

"Untuk itu, kita perlu bekerjasama untuk mereformasi pertubuhan ini, dan kami berharap negara anggota PBB akan lebih terbuka, fleksibel dan menunjukkan kesungguhan politik dalam hal ehwal keamanan antarabangsa, keselamatan dan kemakmuran," katanya.

Terdahulu, Ismail Sabri mengucapkan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Maldives, Abdulla Shahid yang dilantik sebagai Presiden UNGA Ke-76.

Perdana Menteri turut mengalu-alukan tema persidangan tahun ini, iaitu 'Membina ketahanan melalui harapan - untuk pulih daripada COVID-19, menghormati hak individu dan memperkasa PBB'.

"Tema ini menjadi peringatan penting mengenai apa yang perlu dilakukan dan perjalanan yang masih panjang di hadapan kita," katanya.